



Rujukan Kami : UMP(S).02.01/12.20/1/12 ( 24 )  
Tarikh : 11 September 2017

## SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### PELAWAAN UNTUK MENGISI JAWATAN

- a) TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
- b) TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) DAN
- c) BENDAHARI/KETUA PEGAWAI KEWANGAN  
DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Universiti Malaysia Pahang (UMP) mempelawa individu yang berminat dan berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni) dan Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan UMP. Sehubungan dengan itu, bersama ini disertakan iklan untuk dimaklumkan kepada staf di organisasi YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

3. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan bagi memanjangkan hebahan iklan ini amat dihargai dan didahului ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Memasyarakatkan Teknologi"**

Saya yang menurut perintah,

(ABD. HAMID BIN MAJID)  
Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi  
Universiti Malaysia Pahang

Tel : 09-424 5011  
Faks : 09-424 5222  
Emel : hamid@ump.edu.my

s.k.

1. Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang
2. Fail Berkenaan

**SENARAI EDARAN**

1. Pendaftar  
Pejabat Pendaftar  
Aras 7, Bangunan Canselori  
Universiti Malaya (UM)  
50603 Wilayah Persekutuan  
**KUALA LUMPUR**
2. Pendaftar  
Bangunan Canselori  
Universiti Sains Malaysia (USM)  
11800 Minden  
**PULAU PINANG**
3. Pendaftar  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
Aras 5, Bangunan Canselori  
43600 Bangi  
**SELANGOR DARUL EHSAN**
4. Pendaftar  
Universiti Putra Malaysia (UPM)  
43400 Serdang  
**SELANGOR DARUL EHSAN**
5. Pendaftar  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)  
81310 UTM Johor Bahru  
**JOHOR DARUL TAKZIM**
6. Pendaftar  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Aras 3, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin  
40450 Shah Alam  
**SELANGOR DARUL EHSAN**
7. Pendaftar  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)  
Aras 3, Bangunan Rektor  
P.O Box 10  
50728 Wilayah Persekutuan  
**KUALA LUMPUR**

8. Pendaftar  
Universiti Utara Malaysia (UUM)  
06010 Sintok  
**KEDAH DARUL AMAN**
9. Pendaftar  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)  
Aras 2, Bangunan CAUH Kampus Barat  
94300 Kota Samarahan  
**SARAWAK**
10. Pendaftar  
Universiti Malaysia Sabah (UMS)  
Aras 4, Bangunan Pentadbiran  
88400 Kota Kinabalu  
**SABAH**
11. Pendaftar  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)  
Jalan Slim  
35900 Tanjong Malim  
**PERAK DARUL RIDZUAN**
12. Pendaftar  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai  
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**
13. Pendaftar  
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)  
Mengabang Telipot  
21030 Kuala Terengganu  
**TERENGGANU DARUL IMAN**
14. Pendaftar  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)  
Beg Berkunci 101  
86400 Parit Raja  
Batu Pahat  
**JOHOR DARUL TAKZIM**
15. Pendaftar  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Beg Berkunci 1200  
Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal  
**MELAKA**

16. Pendaftar  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
Kampus Kubang Gajah  
02600 Arau  
**PERLIS**
17. Pendaftar  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)  
Aras 1, Pejabat Pendaftar  
Bangunan Canselori  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu  
**TERENGGANU DARUL IMAN**
18. Pendaftar  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
Kampus Bachok  
Beg Berkunci No. 01  
16300 Bachok  
**KELANTAN DARUL NAIM**
19. Pendaftar  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)  
57000 Kem Sungai Besi  
**KUALA LUMPUR**

**IKLAN JAWATAN  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**A) MAKLUMAT JAWATAN**

Jawatan	: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	: Gred Utama B (VU6)
Gaji	: RM8,315.00 – RM22,445.00
Status Pelantikan	: Secara Pertukaran Sementara, Pelantikan Pinjaman atau Pelantikan Sementara.

**B) KRITERIA UMUM**

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut :

**i) Kecemerlangan Akademik**

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

**ii) Pengiktirafan Antarabangsa**

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

**iii) Kebolehan Memimpin dan Mengurus**

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

**iv) Reputasi**

Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

v) **Personaliti**

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

vi) **Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area* universiti.**

**C) KRITERIA KHUSUS**

i) **Mempunyai PhD dan kelayakan profesional**

Ini kerana penjawat bertanggungjawab mempengerusikan Jawatankuasa Pemilihan kenaikan pangkat Guru (Profesor Madya ke bawah) dan perlu mempamerkan kewibawaan khususnya kelayakan akademik tertinggi PhD.

Bagi universiti yang berfokus seperti kejuruteraan, *Malaysian Technical Universities' Networks (MTUN)*, kelayakan profesional perlu diberi merit yang utama memandangkan proses akreditasi adalah salah satu bidang tugas seorang Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

ii) **Berpengalaman dalam pembentukan kurikulum (*curriculum design*)**

Ini merupakan tugas hakiki Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Penyandang bertanggungjawab dalam agenda kritikal Pengajaran dan Pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum yang seimbang dan bersepadu.

Penyandang juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa yang lebih dalam AUKU dalam rekabentuk kurikulum universiti.

iii) **Pakar Pengajaran dan Pembelajaran**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) juga adalah seorang yang wajib dihormati dan mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (*Teaching & Learning*).

Penyandang perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (*SCL*), Pembelajaran Berasaskan Masalah (*PBL*), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (*POPBL*), Pembelajaran Sepanjang Hayat (*LL*), Penaksiran dan *Outcome Based Education*.

iv) **Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan**

Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan serta telah dilantik sebagai Profesor. Ini kerana sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Guru, penyandang bertanggungjawab menentukan tanda aras calon Profesor Madya.

Oleh itu, penyandang hendaklah cemerlang dalam penyelidikan, telah menerbitkan artikel dalam jurnal berwasit, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.

**v) Pengalaman sebagai Penyelia yang berjaya**

Penyandang juga perlu mempunyai rekod cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & PhD) dengan jayanya.

Ini kerana Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bertanggungjawab dalam menguruskan Jawatankuasa Senat bagi Pengajian siswazah dan menjadi penimbang tara bagi isu-isu akademik pengajian siswazah.

**vi) Hal Ehwal Antarabangsa**

Penyandang akan ditugaskan untuk mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Oleh itu, pengalaman dan kebolehlihatan di peringkat antarabangsa perlu dimiliki oleh penyandang.

Calon harus mempunyai hubungan yang luas dan reputasi yang baik di peringkat serantau dan antarabangsa.

**D) PERMOHONAN**

Pemohon-pemohon dikehendaki mengemukakan surat permohonan, *curriculum vitae*, mengisi borang permohonan seperti di Lampiran berserta dokumen sokongan lain yang berkaitan dihantar kepada :


**Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang  
Canseleri Tun Abdul Razak  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur**

**Tarikh Tutup Permohonan : 13 Oktober 2017 (Jumaat)**

**E) PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, Universiti Malaysia Pahang di talian : 09-4245216/5211, No. Faks : 09-4245222 atau emel : [lily@ump.edu.my](mailto:lily@ump.edu.my)/[haryani@ump.edu.my](mailto:haryani@ump.edu.my).

**BORANG PERMOHONAN JAWATAN  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**



1. NAMA :
2. TARIKH LAHIR :
3. UMUR :
4. NO. KAD PENGENALAN :
5. ALAMAT RUMAH :
6. NO. TELEFON :
7. PENGALAMAN KERJA TERKINI :
8. MARKAH PENILAIAN PRESTASI :  
(TIGA TAHUN TERAKHIR)
9. KELULUSAN AKADEMIK :
10. BIDANG KEPAKARAN :



**IKLAN JAWATAN  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**A) MAKLUMAT JAWATAN**

Jawatan	: Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	: Gred Utama C (VU7)
Gaji	: RM7,676.00 – RM20,592.00
Status Pelantikan	: Secara Pertukaran Sementara, Pelantikan Pinjaman atau Pelantikan Sementara.

**B) KRITERIA UMUM**

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut :

**i) Kecemerlangan Akademik**

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

**ii) Pengiktirafan Antarabangsa**

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

**iii) Kebolehan Memimpin dan Mengurus**

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

**iv) Reputasi**

Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

**v) Personaliti**

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

**vi) Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area* universiti.**

**C) KRITERIA KHUSUS**

**i) Berkemampuan Menguruskan Urusan Berkaitan Pembangunan Dan Hal Ehwal Pelajar**

Penyandang perlu mempunyai pengalaman dalam menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan hal ehwal pelajar. Ini adalah kerana penyandang bertanggungjawab menyelia aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan pelajar, terutama Majlis Perwakilan Pelajar agar sebarang aktiviti yang dijalankan adalah selari dengan matlamat penubuhan universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar semasa kerajaan.

**ii) Aktif Dalam Ko-kurikulum Dan Berpengetahuan Dalam Merekabentuk Dan Melaksanakan Ko-Kurikulum Berkredit Serta Program Pembangunan Pelajar Secara Holistik**

Penyandang mestilah mahir dalam merekabentuk ko-kurikulum berkredit berteraskan Hasil Pembelajaran (LO) dan Kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi pembelajaran yang selaras dengan atribut afektif yang perlu dihasilkan melalui ko-kurikulum. Calon perlu berpengalaman dalam menterjemah ko-kurikulum berkredit kepada program memperkasakan pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

**iii) Penglibatan Dalam Jawatankuasa Yang Berkaitan Hal Ehwal Pelajar**

Penyandang jawatan ini akan terlibat dalam Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang berkaitan dengan hal ehwal pelajar. Oleh yang demikian, penyandang mestilah seorang individu yang *service-oriented* dan sentiasa bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebajikan mereka tidak kira siang ataupun malam. Penyandang juga perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling/rundingcara sebagai asas untuk mendekati pelajar dan mengetahui permasalahan mereka.

**iv) Berpengalaman Dalam Menguruskan Kolej-kolej Kediaman**

Penyandang mestilah mempunyai asas dalam pengurusan. Ini adalah kerana pengurusan kolej-kolej kediaman di universiti merupakan tanggungjawab dan berada di bawah bidang kuasa Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni). Penyandang mestilah mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pelajar agar perkhidmatan yang disediakan ini dapat melahirkan dan mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

**v) Mempunyai Jaringan Hubungan Yang Luas Serta Dihormati Dari Kalangan Alumni**

Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan alumni. Ini adalah kerana pewujudan alumni adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan universiti.

**D) PERMOHONAN**

Pemohon-pemohon dikehendaki mengemukakan surat permohonan, *curriculum vitae*, mengisi borang permohonan seperti di Lampiran berserta dokumen sokongan lain yang berkaitan dihantar kepada :


**Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang  
Canseleri Tun Abdul Razak  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur**

**Tarikh Tutup Permohonan : 13 Oktober 2017 (Jumaat)**

**E) PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, Universiti Malaysia Pahang di talian : 09-4245216/5211, No. Faks : 09-4245222 atau emel : [lily@ump.edu.my](mailto:lily@ump.edu.my)/[haryani@ump.edu.my](mailto:haryani@ump.edu.my).

**BORANG PERMOHONAN JAWATAN  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**



1. NAMA :
2. TARIKH LAHIR :
3. UMUR :
4. NO. KAD PENGENALAN :
5. ALAMAT RUMAH :
6. NO. TELEFON :
7. PENGALAMAN KERJA TERKINI :
8. MARKAH PENILAIAN PRESTASI :  
(TIGA TAHUN TERAKHIR)
9. KELULUSAN AKADEMIK :
10. BIDANG KEPAKARAN :

**IKLAN JAWATAN BENDAHARI//KETUA PEGAWAI KEWANGAN  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**A) MAKLUMAT JAWATAN**

Jawatan	: <b>Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan</b>
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	: Gred 54
Gaji	: RM6,122.00 – RM13,180.00
Status Pelantikan	: Secara Pertukaran Sementara, Pelantikan Pinjaman atau Pelantikan Sementara
Tempoh Lantikan	: 1 hingga 3 tahun perkhidmatan bagi setiap lantikan tertakluk kepada pihak Lembaga Pengarah Universiti (LPU)

**B) KRITERIA UMUM**

Telah memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan di mana-mana Universiti Awam atau Swasta, badan-badan kerajaan, syarikat-syarikat multinasional, *Government Link Company* (GLC) atau mana-mana syarikat yang terkemuka dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

Calon-calon yang berumur 45 hingga 55 tahun adalah diberi keutamaan.

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut :

- i) Kecemerlangan Akademik**  
Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (PhD) adalah satu kelebihan. Mendapat "*command of respect*" dari kalangan rakan sejawat. Mempunyai rekod cemerlang dalam pengurusan serta cemerlang dalam khidmat profesional.
- ii) Kebolehan Memimpin & Mengurus**  
Mempunyai *people skill* yang boleh menerajui tranformasi. Mempunyai gagasan, visi dan misi selaras *core business* Universiti serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kerja cemerlang.
- iii) Reputasi**  
Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf. Mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati berdasarkan kredibilitinya oleh semua masyarakat kampus, organisasi di mana dia berkhidmat dan masyarakat luar.

- iv) **Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal Yang Mantap**  
Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap dalam mentadbir pelbagai lapisan masyarakat kampus yang *multicultural*.
- v) **Personaliti**  
Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai semangat dalaman yang kuat untuk memacu kecemerlangan Universiti.

### C) KRITERIA KHUSUS

#### i) **Kecemerlangan Pengurusan Kewangan**

Berpengalaman sebagai Ketua Jabatan Kewangan di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta, Badan-badan Kerajaan, Syarikat-syarikat Multinasional, *Government Link Company* (GLC) atau mana-mana syarikat yang terkemuka dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Berkeupayaan dalam mengurus sumber kewangan dengan telus dan mencapai nilai untuk wang dan hasil yang optimum (*value for money*).

Berkemampuan untuk menyediakan perancangan kewangan yang jelas dan berstrategi meliputi pengurusan bajet, *cost benefit analysis*, *forecasting needs* dan peluang-peluang pembiayaan baru.

Mampu dalam memastikan sesuatu perancangan kewangan dilaksanakan dan dikawal dengan baik melalui sistem analisis kewangan yang cekap, selain mematuhi semua keperluan dalam peraturan kewangan/tatacara kewangan/arahan perbendaharaan dan perancangan kewangan Universiti yang telah dibangunkan.

Berkemampuan dalam mengurus dan menyelaraskan semua aktiviti laporan fiskal untuk organisasi termasuk hasil organisasi/perbelanjaan dan laporan kunci kira-kira, laporan kepada agensi-agensi pembiayaan, pembangunan dan pemantauan belanjawan organisasi dan kontrak/geran.

Membangunkan dan mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk melindungi aset-aset kewangan universiti .

Menyelia dan menyelaras aktiviti juruaudit bebas yang memastikan semua isu-isu audit diselesaikan dan semua isu-isu pematuhan dipenuhi serta penyediaan penyata kewangan tahunan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

#### ii) **Pengurusan Perubahan dan Risiko**

Berkeupayaan dalam menguruskan perubahan dalam organisasi secara berkesan dengan menggunakan segala sumber dan keupayaan sedia ada dan berusaha mengurangkan risiko dalam setiap hasil kerja yang dilaksanakan melalui aktiviti pengurusan risiko yang baik.

Berkepakaran dalam mentafsir dan melaksanakan peraturan-peraturan kerajaan dan perbendaharaan, urusan-urusan audit dan undang-undang yang berkaitan secara *holistic*.

**iii) Berkemahiran Menjana Kewangan Universiti**

Berkeupayaan untuk menjana kewangan dan peluang pelaburan Universiti. Berpandangan jauh dalam menentukan hala tuju universiti dalam urusan yang berkaitan dengan hal ehwal kewangan dan pelaburan (*Bussiness Minded*).

Mampu untuk membangunkan kapisiti kewangan sedia ada selain mengenal pasti peluang-peluang baru, merancang penggubalan belanjawan dan menentukan keberkesanan kos bagi setiap penyampaian perkhidmatan.

**iv) Mempunyai jaringan hubungan yang luas**

Mengoptimumkan sumber-sumber organisasi untuk memenuhi keperluan pelanggan.

Berkebolehan menjalin hubungan kerjasama dan menerapkan nilai-nilai kebersamaan dengan anggota kerja dalam organisasi.

Berkebolehan mengenal pasti dan mengambil peluang untuk membina perkongsian strategik dari segi maklumat, idea, pengetahuan dan kepakaran dengan pelbagai pihak untuk faedah dan kepentingan organisasi.

**D) PERMOHONAN**

Pemohon-pemohon dikehendaki mengemukakan surat permohonan, *curriculum vitae*, mengisi borang permohonan seperti di Lampiran berserta dokumen sokongan lain yang berkaitan dihantar kepada :

**Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang  
Canseleri Tun Abdul Razak  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur**


**Tarikh Tutup Permohonan : 29 September 2017 (Jumaat)**

**E) PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, Universiti Malaysia Pahang di talian : 09-4245216/5211, No. Faks : 09-4245222 atau emel : [lily@ump.edu.my](mailto:lily@ump.edu.my)/[haryani@ump.edu.my](mailto:haryani@ump.edu.my).



**BORANG PERMOHONAN JAWATAN  
BENDAHARI/KETUA PEGAWAI KEWANGAN  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**



1. **NAMA** :
2. **TARIKH LAHIR** :
3. **UMUR** :
4. **NO. KAD PENGENALAN** :
5. **ALAMAT RUMAH** :
6. **NO. TELEFON** :
7. **PENGALAMAN KERJA TERKINI** :
8. **MARKAH PENILAIAN PRESTASI** :  
**(TIGA TAHUN TERAKHIR)**
9. **KELULUSAN AKADEMIK** :
10. **KEAHLIAN PROFESIONAL** :